

Jabatan Perkhidmatan Awam  
Malaysia,  
Tingkat 13, Bangunan  
U.M.B.C.,  
Jalan Sulaiman, Kuala  
Lumpur.

## **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 12 TAHUN 1973**

### **Sekim Perkhidmatan dan Sekatan Peperiksaan Bagi pegawai Kerani/Pegawai Kerani Rendah**

**Pindaan-pindaan terhadap Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1972.**

Adalah saya diarah menarik perhatian tuan kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.4](#)

[Tahun 1972](#) mengenai perkara yang tersebut diatas dan menyatakan bahawa adalah didapati pindaan-pindaan perlu dibuat terhadap beberapa perbekalan yang terkandung di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan yang tersebut itu. Adapun pindaan - pindaan yang perlu dibuat ialah mengenai perenggan 3 (a) (i) dan (ii). Pindaan - pindaan ini perlu dibuat supaya kedudukan mengenai perkara yang berkenaan diselaraskan dengan keputusan - keputusan yang baharu.

2. Perkara-perkara yang dinyatakan dalam perenggan 3 (a) (i) dan (ii) dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/1972](#) itu ialah mengenai Peperiksaan-peperiksaan yang harus diambil oleh Pembantu Kerani yang memilih berpindah ke tanggagaji baharu berikutnya dengan perlaksanaan Suffian.

3. Bagaimana termaklum kedudukan yang terakhir sekali mengenai syarat-syarat tempoh percubaan dan syarat-syarat bagi melangkah Sekatan Peperiksaan dan Sekatan Kecekapan bagi semua kakitangan yang memilih berpindah ke tanggagaji baharu adalah ditetapkan sebagaimana di dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/1973](#) bertarikh 17hb. Januari, 1973. Dengan terkeluarnya Pekeliling Perkhidmatan tersebut maka kedudukan Pembantu Kerani yang telah menjadi Pegawai Kerani melalui perlantikan hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan itu.

4. Dari itu perbekalan dalam perenggan-perenggan 3(a)(i) dan (ii) dan 4 dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/1972 itu adalah dibatalkan.

Saya yang menurut perintah,

18hb. Jun,1973.

(ABDUL AZIZ BIN MOHAMED)

Pengarah,

Bahagian Perjawatan,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam ,  
Malaysia.

Semua Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,

Semua Ketua-ketua Jabatan Persekutuan, Y.B.

Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri,

Malaysia Barat.